

Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk Penyertaan bagi Geng Gegar Fanclub ("Acara")

Ini adalah terma-terma dan syarat-syarat untuk penyertaan untuk Acara bagi Geng Gegar Fanclub yang dianjurkan oleh Astro Radio Sdn Bhd ("ARSB"), di mana individu terpilih akan berpeluang menjadi sebahagian daripada Geng Gegar Fanclub.

1. Acara ini terbuka untuk penyertaan kepada semua warganegara Malaysia yang memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah dan berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh penyertaan Acara ("**Peserta**").
2. Peserta harus melayari www.gegar.my dan mengisi semua butiran yang diperlukan dan memberitahu ARSB kenapa Peserta ingin menjadi sebahagian daripada Geng Gegar Fanclub (tidak melebihi 25 patah perkataan). Seorang Peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja. Penyertaan berikutnya akan hilang kelayakan.
3. Tempoh untuk penyertaan adalah dari **3 Januari 2021** sehingga **30 November 2021** ("**Tempoh Acara**"). Penyertaan mestilah diterima oleh ARSB pada atau sebelum 11.59 malam pada 30 November 2021. ARSB berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Acara atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlakny.
4. Setiap penyertaan yang dipilih oleh ARSB akan mendapat satu (1) pas keahlian untuk menyertai Geng Gegar Fanclub. Pas keahlian tersebut adalah tertakluk kepada terma dan syarat tambahan berikut:-
 - (i) Pas keahlian adalah sah dari tarikh pengeluaran sehingga 31 Disember 2021;
 - (ii) Peserta tidak perlu membuat sebarang bayaran kepada ARSB untuk menerima pas keahlian tersebut;
 - (iii) Pas keahlian membolehkan Peserta untuk menerima/mendapat akses kepada faedah istimewa seperti barangan eksklusif Gegar, sesi ramah mesra bersama penyampai Gegar atas talian dan muka-ke-muka (*on ground*) atau peluang memberi laporan kemaskini (*update*) kepada stesen. Jenis faedah istimewa yang diberikan kepada Pemenang akan ditentukan oleh ARSB mengikut budi bicara mutlakny dan Peserta tidak mempunyai hak untuk mempertikaikan/menyoalkan sebarang keputusan yang dibuat ARSB dalam hal ini;
 - (iv) Jika faedah istimewa adalah dalam bentuk tiket percuma, pas atau baucar:
 - a. Peserta adalah tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat penganjur acara tersebut, penaja atau pihak yang mengeluarkan tiket, pas atau baucar tersebut;
 - b. Peserta mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tiket, pas atau baucar (seperti klasifikasi filem) dan peraturan lokasi di mana acara tersebut akan diadakan; dan
 - c. tempat, tarikh dan masa acara/program/filem/persembahan boleh diubah pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak ARSB, penganjur acara atau penaja.

- (v) Semua faedah istimewa yang diterima oleh Peserta tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai;
 - (vi) Peserta juga setuju bahawa keahlian dalam Geng Gegar Fanclub ini tidak mewujudkan sebarang perkongsian, usaha sama atau perjanjian pekerjaan (*contract of employment*) di antara ARSB dan Peserta, dan Peserta tidak boleh membuat representasi bahawa mereka merupakan ejen atau pekerja bagi ARSB;
 - (vii) Keahlian dalam Geng Gegar Fanclub tidak memberikan Peserta sebarang hak untuk dibayar oleh ARSB ataupun untuk menggunakan jenama, logo, nama, tanda dagang Gegar, ARSB dan/atau mana-mana stesen kepunyaan ARSB tanpa mendapatkan persetujuan bertulis daripada ARSB terlebih dahulu;
 - (viii) ARSB mempunyai hak mutlak untuk membatalkan mana-mana pas keahlian Geng Gegar Fanclub untuk apa jua sebab tanpa merujuk kepada Peserta; dan
 - (ix) Peserta boleh menghentikan keahlian dalam Geng Gegar Fanclub tanpa sebarang bayaran kepada ARSB.
5. Untuk mengelakkan keraguan, apa-apa keputusan oleh ARSB mengenai Acara ini adalah muktamad dan ARSB tidak akan melayan apa-apa rayuan atau persoalan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.
 6. Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada dan memberikan ARSB, dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan butiran/foto/video/cerita yang diberikan oleh Peserta dan Peserta mengetepikan apa-apa hak moral dalam butiran/foto/video/cerita tersebut. ARSB dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajipan) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan butiran/foto/video/cerita tersebut dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta.
 7. ARSB dan anak syarikat dan syarikat bersekutu dengan khususnya menafikan kesemua dan apa jua liabiliti berkaitan dengan Acara ini. Peserta setuju untuk menggantirugi (*indemnify*) dan melepaskan ARSB dan anak syarikat dan syarikat bersekutu dari dan terhadap sebarang dan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Acara ini.
 8. Dengan menghantar penyertaan, Peserta akui bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju kepada terma-terma di dalam Notis Privasi yang terdapat di www.astroradio.com.my dan setuju kepada pemprosesan data peribadi Peserta oleh ARSB.

9. ARSB berhak meminda atau mengubah terma-terma dan syarat-syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.